

19/06/1997

Jambatan: Arahan atur perancangan

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Rabu - Empat jabatan negeri diarah membuat perancangan awal untuk menjadikan Melaka dipilih sebagai lokasi pembinaan jambatan yang merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dan Sumatera, Indonesia.

Jabatan terbabit ialah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Laut serta Jabatan Kerja Raya.

Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin, berkata semua jabatan yang terbabit dalam pembangunan ekonomi, terutama empat jabatan berkenaan, perlu proaktif membuat perancangan secepat mungkin mengenal pasti tempat yang sesuai bagi pembinaan jambatan itu di negeri ini.

"Kita perlu rebut peluang ini dan kalau boleh jambatan ini ditempatkan di Melaka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Melaka di Seri Negeri di sini, hari ini.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia dan Indonesia merancang membina sebuah jambatan yang merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dan Sumatera.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri kepada wartawan selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto di Istanbul ketika menghadiri sidang puncak pertama lapan negara membangun (D8).

Idea awal pembinaan jambatan itu juga dipersetujui dalam pertemuan kedua-dua pemimpin di Kuala Lumpur pada Oktober lalu bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan komunikasi pengangkutan darat kedua-dua negara.

Abu Zahar berkata, perancangan awal perlu supaya hasrat Melaka menjadi lokasi jambatan itu akan ditimbang oleh Kerajaan Persekutuan.

Serentak itu, kerajaan negeri menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Rahman Jamal bagi mengkaji kemungkinan jambatan itu dibina di Melaka.

"Jika didapati perlu, kerajaan negeri mungkin berunding dengan Kerajaan Johor dan Negeri Sembilan mengenai projek pembinaan jambatan ini," katanya.

Bekas Ketua Menteri, Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani sendiri pernah mencadangkan Kerajaan Persekutuan menimbang Melaka sebagai lokasi pembinaan jambatan berkenaan.

Katanya, pembinaan jambatan itu mungkin sesuai dibina di antara Kuala Linggi dan Pulau Rupa, Sumatera yang jauhnya hanya kira-kira 36 kilometer.

(END)